

## TEMPAT DAN CARA BAYARAN

### DI MANA TEMPAT PEMBAYARAN?

- Pejabat Majlis Daerah Bachok
- Mana-mana Cawangan Bayaran secara bergerak di setiap pekan dalam kawasan majlis.

### CARA-CARA PEMBAYARAN

- Cek
- Tunai

## TINDAKAN GAGAL BAYAR CUKAI BANDAR

### APAKAH TINDAKAN YANG AKAN DIAMBIL JIKA CUKAI TAKSIRAN TIDAK DIBAYAR ATAU DIJELASKAN

- Waran Tahanan Barangan - Boleh Menyita Pegangan yang Terlibat
- Tindakan Mahkamah - Mohon kepada Mahkamah Pendaftar Mahkamah Tinggi untuk menahan dan meyelong pegangan tersebut.
- Surat Pekeliling dari KPKT agar bil cukai pintu boleh dihantar untuk makluman dan tindakan majikan tuannya pegangan (harta).

## TANGGUNGJAWAB ANDA

### PERINGATAN

- Adalah menjadi tanggungjawab pemilik pegangan (harta) untuk menyiasat sendiri akan kedudukan pegangan (harta) mereka sama ada sudah disenaraikan atau belum di dalam senarai nilai Majlis (di nilai cukai pintu)
- Dari itu alasan yang menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui bahawa harta tersebut berada dalam kawasan pentadbiran Majlis dan tidak menerima bil cukai pintu tidak boleh diterima atau dilayan.
- Oleh yang demikian, jika ada di antara pemilik pegangan (harta) yang masih belum menerima apa-apa maklumat mengenai kedudukan hartanya sama ada telah disenaraikan (dinilaian) atau belum di dalam senarai nilai Majlis, mestilah membuat semakan dan siasatan di Bahagian Penilaian Majlis. Ini bagi mengelakkan tunggakan dan tindakan undang-undang.
- Bayaran Cukai Pintu sebagaimana ditetapkan dari mengelakkan di SITA atau Tindakan Mahkamah.
- Elakkan nama anda sebagaimana Kakitangan Awam/swasta dari di senaraikan untuk dihantar bil cukai pintu kepada KPKT dan Majikan.

### UNTUK MAKLUMAT LANJUT

#### JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

TEL: 09-7787627

ALAMAT : MAJLIS DAERAH BACHOK,  
16300 BACHOK KELANTAN.



MAJLIS DAERAH  
BACHOK

**CUKAI TAKSIRAN**

*Wahai orang-orang yang beriman...,  
"Hutang Wajib Dibayar Walaupun Tidak Dituntut"  
(Al-Baqarah 283)*



TEL : 09-7787627 / 629  
FAKS : 09-7789533



## DEFINISI CUKAI TAKSIRAN DAN SIAPA DAN MENGAPA DIKENAKAN

### APA DIA "CUKAI TAKSIRAN"

- Cukai taksiran atau cukai pintu amnya dikenakan kepada semua pegangan (harta) yang terletak di dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Bachok. Ianya merupakan cukai ke atas perkhidmatan Bandar yang disediakan secara langsung atau tidak langsung kepada pemilik-pemilik pegangan (harta) di kawasan majlis, sebagaimana AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976, AKTA 171.

### APAKAH ASAS YANG DIGUNAKAN DALAM MENGENAKAN CUKAI TAKSIRAN KE ATAS SESUATU PEGANGAN (HARTA)

- Ada dua asas yang diperuntukan oleh perundangan (Akta Kerajaan Tempatan 1976) iaitu "nilai tahunan" dan "nilai tambahan". Penggunaan antara dua asas taksiran ini adalah terletak kepada pilihan Penguasa Tempatan itu sendiri setelah mendapat persetujuan dari Pihak Berkuasa Negeri.

### SIAPA YANG PATUT MEMBAYAR CUKAI TAKSIRAN

- Tuan punya pegangan
- Penyewa (sekiranya perjanjian kepada penyewa)

### MENGAPA DIKENAKAN CUKAI TAKSIRAN

- Sesuatu pegangan (harta) itu dikenakan cukai taksiran apabila terletak dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Sebagaimana AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976.
- Sebahagian dari percukaian negara yang dikenakan kepada rakyat didalam sesuatu kawasan PBT.

## KATEGORI HARTA-HARTA YANG DIKENAKAN DAN DIKECUALIKAN

### APAKAH PEGANGAN (HARTA) YANG BOLEH DIKENAKAN CUKAI TAKSIRAN

- Menurut Seksyen 2 Akta Kerajaan Tempatan 1976, pegangan (harta) bererti mana-mana tanah yang ada atau tidak ada bangunan di atasnya, yang dipegang di bawah satu hakmilik yang berasingan dan mengenai bangunan-bangunan yang pecah bahagi, ertinya harta bersama dan mana-mana petaknya. Antaranya:
  - Rumah Kediaman
  - Panggung Wayang
  - Rumah Kedai
  - Hotel
  - Ban Tembakau
  - Stesen Minyak
  - Kilang-kilang
  - Lain-lain Premis Kekal dan Separa Kekal

### APAKAH PEGANGAN (HARTA) YANG DIKECUALIKAN DARI DIKENAKAN CUKAI TAKSIRAN

- Tempat awam untuk sembahyang;
- Tanah perkuburan atau crematorium awam yang berlesen;
- Bagi sekolah awam;
- Tempat awam bagi maksud khairat atau bagi maksud sains, sastera atau seni halus.
- Dengan ertikata lain ialah pegangan (harta) yang dibina bukan untuk perniagaan.



## PENGIRAAN CUKAI BANDAR DAN TARIKH DIJELASKAN

### BAGAIMANA HENDAK MENGIRA JUMLAH CUKAI TAKSIRAN YANG PERLU DIBAYAR

- Contoh: Nilai Tahunan bagi sebuah rumah teres di kawasan perumahan Taman Indah ialah RM 2,160.00. Kadar taksiran bagi kawasan ini ialah 3%. Jadi jumlah cukai taksiran yang perlu dibayar setahun ialah RM 64.80 setahun. Bayaran ini adalah termasuk bayaran perkhidmatan Bandar yang diberi seperti angkat sampah, dan lain-lain.



### BILA CUKAI TAKSIRAN PERLU DIJELASKAN?

- Setengah tahun pertama - 1 Januari hingga 28 Februari
- Setengah tahun kedua - 1 Julai hingga 31 Ogos

Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh masa tersebut ianya adalah dikira sebagai tunggakan. Denda lewat bayar boleh dikenakan ke atas bayaran tunggakan.